

Our website will not be available on 26 January from 8.30pm to 10.30pm due to system maintenance. We apologise for any inconvenience caused.

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 10 March 1984 > Page 4 > Bangga mengatur langkah ke depan

Bangga mengatur langkah ke depan

Berita Harian, 10 March 1984, Page 4

Article also available on Microfilm Reel NL14465

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Bangga mengatur langkah ke depan

Sempena ulang-tahun ke-21 SBC**Oleh KAMSAH SIRAT**

LEBIH 21 tahun lalu masyarakat menyambut dengan penuh ghairah bila tersibar berita bahawa perkhidmatan televisyen akan diperkenalkan di Singapura.

Mungkin kebanyakan orang pada masa itu tidak sedar bahawa apa yang mereka nanti-nantikan selama ini adalah satu perkhidmatan yang bakal mengubah cara mereka mengisi masa lapang.

Keghairahan mereka menantikan alat yang bakal memberikan sumber hiburan baru itu mungkin dapat difahami kerana hingga ke saat itu masyarakat hanya dapat menikmati tayangan filem di pawagam.

Sungguhpun pada masa itu tidak ramai penduduk mempunyai peti television — hanya kira-kira 2,500 set yang dipasang di rumah-rumah — keghairahan menantikan kedatangan perkhidmatan TV

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
10 March 1984Reel Number:
NL14465

Share

Table of Contents

< Previous Page 4 Next >

KERJA SOSIAL BAGI HDB?

KERJA SOSIAL BAGI HDB? SARANAN seorang siswazah agar Lembaga Perumahan dan Pembangunan

Tukilan Hari Ini

Tukilan Hari Ini TANPA bimbingan dan tuntunan para ulama, umat Islam akan mengalami kesulitan mencari

Mutiara Kata

Mutiara Kata KERJA adalah lebih baik dari arok untuk menghilangkan raso risau. Madah Pujangga

detik-detik bersejarah...

[View Full Table of Contents >](#)

sungguh besar.

Lambang

Pada petang Ahad, 15 Februari 1963, lebih 2,000 orang memenuhi Panggung Victoria untuk menyaksikan sendiri, menerusi 34 peti TV yang dipasang di sana, pancaran rancangan pertama dari Television Singapura.

Perkhidmatan dimulakan dalam bentuk hitam putih dari sebuah studio televisyen sementara di Bukit Caldecott, tidak jauh dari Thomson Road dan Lornie Road.

Mulai saat itu Radio Singapura dikenali sebagai Radio dan Televisyen Singapura (RTS).

Hari ini, televisyen bukan lagi satu benda yang baru pada kita. Ia bukan lagi merupakan satu barang mewah.

Malah peti TV warna juga bukan lagi menjadi satu lambang kemewahan. Kini terdapat lebih 460,000 peti TV di republik ini.

Jika 21 tahun dulu masa tayangan TV di Singapura hanyalah sepanjang satu setengah jam sehari dan dalam bentuk hitam putih, kini masa pancaran TV Perbadanan Penyiaran Singapura (SBC) meningkat menjadi 118 jam sehari dari tiga saluran — kebanyakan rancangannya dalam warna-warni.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa sepanjang 21 tahun yang lalu perkhidmatan penyiaran TV di Singapura telah banyak menunjukkan kemajuan.

Hal ini sebenarnya bukan saja perlu dilakukan, tetapi juga tidak dapat dielakkan kerana selera penonton berubah dengan meningkatnya taraf pelajaran mereka.

Begitu juga dengan hakikat bahawa rakyat Singapura terdedah kepada media umum lain yang membawa mereka lebih dekat kepada maklumat dan unsur hiburan dari negara-negara lain.

Satu demi satu kemajuan, sama ada yang bersifat teknikal atau dalam bentuk rancangan atau filem yang lebih baik, disajikan oleh SBC kepada para penonton.

Mulai Julai 1974, kira-kira 11 tahun selepas perkhidmatan TV dinikmati oleh rakyat Singapura, SBC beriya menayang-

kan rancangan-rancangan

SBC Text, khidmat yang menayangkan laporan berita menerusi TV, telah dimulakan tahun lalu.

Saluran 12 yang mula dilancarkan pada 31 Januari 1984 pula menyajikan rancangan-rancangan bercorak hiburan, kebudayaan dan pendidikan serius khusus untuk para penonton yang inginkan siaran-siaran yang lain dari yang dihidangkan menerusi Saluran 5 dan 8.

Bagaimanapun dalam segala usaha meningkatkan mutu perkhidmatan SBC, aspek yang tidak dipandang ringan ialah soal penyaluran nilai-nilai hidup yang dibuat melalui rancangan-rancangan yang disiarkan di TV.

Dikesan

Dalam hubungan inilah pihak pemerintah merasa perlu berwaspada terhadap semua kemungkinan meresapnya nilai-nilai hidup dan budaya asing melalui segala jenis filem atau rancangan bersiri yang diimport, dan pemilihan yang berhati-hati perlu dibuat.

Menteri Kebudayaan merangkap Hal-Ehwal Luar, Encik S. Dhanabalan, pernah menyatakan bahawa nilai-nilai yang tidak diingini oleh Singapura mungkin terselit dalam filem-filem bercorak jenaka dari Barat.

"Di sanalah nilai-nilai baru boleh disampaikan kepada para penonton dengan cara yang begitu mudah tanpa disedari oleh

orang ramai," kata beliau buian lalu semasa memperkatakan soal nilai-nilai hidup yang tidak diingini dalam filem atau siri jenaka yang diimport.

"Sebab itulah kami amat berhati-hati dalam pemilihan rancangan. Bukan saja yang mengenai keganasan, seks atau adegan lucu — yang semuanya boleh dikesan dengan terang.

"Yang kami beri perhatian berat ialah pengaruh-pengaruh yang sukar dilihat dengan mata kasar."

Menurut Encik Dhanabalan, panduan yang digunakan oleh SBC ialah konsep keluarga sebagai asas keutuhan masyarakat tidak harus dibiarkan terhakis.

Dalam hubungan ini pula penelitian yang di-

buat bukan saja ke atas filem-filem yang diimport, tetapi juga rancangan terbitan sendiri.

Mengenai kemajuan yang dicapai dalam rancangan terbitan SBC sendiri juga dapat dirasakan dalam beberapa rancangan berbahasa Melayu.

Masyarakat mungkin masih boleh mengingat betapa meriahnya bila rakaman anekaragam menyambut Hari Kebangsaan yang diadakan di Panggung Negara yang dipancarkan juga menerusi di TV.

Itulah masanya para peminat lagu-lagu angkatan 'pop yeh-yeh' menyaksikan penyanyi-penyanyi pujaan mereka muncul kembali di kaca TV.

Rancangan *Pesta Pop* yang diterbitkan oleh Allahyarham Yusoff Ahmad, telah memberikan

kesempatan kepada kumpulan-kumpulan gitar rancak yang tumbuh subur pada masa itu.

Melalui rancangan *Kalong Senandong* juga ramai penyanyi mendapat kesempatan muncul di TV dan menambah bilangan peminat mereka.

Rancangan muzikal serupa itu kini telah banyak berubah dan menunjukkan kemajuan dengan bertambah baiknya teknik penggambaran yang digunakan oleh SBC.

Dalam bidang drama pula, ramai yang mungkin tidak mengetahui bahawa drama *Awal Dan Mera* adalah drama pentas Melayu yang pertama ditayangkan secara langsung oleh RTS dari Panggung Budaya (sekarang ini Pusat Drama), di Canning Rise.

Serius

Dengan menggunakan hanya dua buah kamera dan kemudahan-kemudahan yang serba kekurangan, drama itu mendapat sambutan yang begitu baik dan memuaskan dari para penonton.

Menyusulnya ialah drama *Malam Jahanam* yang dirakamkan di Panggung Victoria.

Tetapi siri drama terbitan RTS sendiri yang berjaya menawan hati ramai penonton dan yang mungkin masih segar dalam ingatan mereka hingga kini ialah siri *Pak Awang*, hasil pena Encik Zain Mahmud yang diarahkan oleh Encik Bani Buang.

Siri tersebut begitu berpengaruh ke atas masyarakat Melayu pada masa

itu sehingga perabot yang digunakan oleh keluarga Pak Awang dalam siri itu dikenali dengan nama 'kerusi Pak Awang'.

Siri itu jugalah yang membuat beberapa pelakon begitu terkenal hingga ke hari ini.

Antaranya ialah Cik Zainon Ismail yang masih dikenali dengan jolokan 'Otek' iaitu nama watak yang dilakonkannya dalam siri itu.

Pendeknya lebih banyak kemajuan dicapai sejak SBC ditubuhkan untuk menggantikan RTS pada 1 Februari 1980.

Namun, apa yang boleh diberi perhatian oleh pihak SBC ialah soal meningkatkan lagi mutu rancangan-rancangan berbahasa Melayu yang diterbitkan.

Hal ini ternyata begitu penting terutamanya dalam penerbitan drama.

Sungguhpun umumnya mutu teknik penerbitannya semakin baik, drama-drama TV terbitan SBC nampaknya dihambat oleh masalah cerita yang tidak dapat dikembangkan dengan sebaik-baiknya.


Ini mungkin berpunca dari kekurangan peruntukan untuk setiap penerbitan.

Adakah mustahil bagi bahagian drama Melayu SBC menerbitkan satu siri drama yang setanding mutu dan tekniknya dengan siri drama Cina *Awakening* yang disiarkan di Saluran 8?

Soal menerbitkan rancangan perbincangan hal-hal semasa dan penerangan dalam bahasa Melayu juga harus diberikan perhatian.



KEMUDAHAN latihan rakaman di-
sediakan oleh SBC.



ORKESTRA SBC — membantu
menambahkan mutu persembahan
muzik tempatan.



JURURAWAT — bukti keseimbangan
unsur-unsur lama dan baru di TV.



SBC meningkatkan lagi kepopularan
bangsawan seperti *Lela Jaya* — 1983.

Related Articles



TINGKATKAN MUTU DRAMA SBC

Berita Harian 21 August 1983

TINGKATKAN MUTU DRAMA SBC
Ditinjau dari segi pengalaman SBC punyai

MEMBAIKI MUTU RANCANGAN TV

Berita Harian 16 March 1983

MEMBAIKI MUTU RANCANGAN TV
SEJAK siaran televisyen diperkenalkan di

Lagi saranan baik rancangan TV Melayu

Berita Harian 24 March 1984

Lagi saranan baik rancangan TV Melayu
OkYA setuju dengan MYM (BH -10....

